



# —ISTIADAT PEMASYHURAN CANSEJOR

Universiti Teknologi MARA


Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
Sultan Ibrahim

13 November 2024

bersamaan

1446 جمادی الاول 11







# ISTIADAT PEMASYHURAN CANSEJOR

Universiti Teknologi MARA


**Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
Sultan Ibrahim**

13 November 2024

bersamaan

1446 جادی‌الاذل ۱۱





DAULAT  
TUANKU



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
Sultan Ibrahim**

CANSEIOR





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong  
Raja Zarith Sofiah**





## KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir**  
SPSA., SPMP., DGSM., DPMP., AMP.PAT., AMS.

**Menteri Pendidikan Tinggi**





**Duli Yang Maha Mulia  
Tengku Permaisuri Selangor  
Tengku Permaisuri Hajah Norashikin  
D.K., S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.K.**

**PRO-CANSEIOR**



**Yang Berbahagia  
Tan Sri Dato Sri Zarinah Anwar**  
P.S.M., S.S.A.P., D.S.A.P.

**PRO-CANSELOR**



**Yang Berbahagia**  
**Dato' Profesor Emeritus Dr. Hassan Said**  
D.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.K., D.S.P.N., P.G.B.K., J.M.N.

**PRO-CANSEIOR**



**Yang Berbahagia  
Datuk Haji Abdul Wahab Aziz**  
P.G.B.K., J.B.S., P.P.B., P.P.D., P.B.E.

**PRO-CANSEIOR**



**Yang Berbahagia**  
**Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil**  
P.J.N., S.S.A.P., J.P., P.S.M., S.P.M.P.

**Pengerusi**  
**Lembaga Pengarah Universiti**



**Yang Berbahagia**  
**Profesor. Datuk Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc**  
D.M.S.M., D.S.M.

**NAIB CANSEIOR**



# Lembaga Pengarah



**YBhg. Tan Sri Dato' Sri  
Haji Mohd Khamil Jamil**  
Pengerusi  
Lembaga Pengarah Universiti



**YBhg. Profesor Datuk Dr.  
Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc**  
Ahli



**YBhg. Datuk Profesor Dr.  
Azlinda Azman**  
Ahli



**Encik  
Ramzi Mansor**  
Ahli



**YBhg. Datuk  
Omar Shariff Mydeen**  
Ahli



**YBhg. Dato' Dr.  
Adnan Alias**  
Ahli



**YBhg. Datuk  
Ariff Farhan Doss**  
Ahli



**YBhg. Datuk  
Nik Airina Nik Jaffar**  
Ahli



**Encik  
Mustaffa Kamil Ayub**  
Ahli



**Tuan Haji  
Muhamad Nizam Noordin**  
MMIHRM  
Setiausaha

# Pengurusan Eksekutif



**YBhg. Profesor Datuk Dr.  
Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc**  
Naib Canselor



**YBhg. Profesor Datin Dr.  
Suzana Sulaiman**  
J.M.N  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)



**Profesor Dr. Haji  
Mohd Sazili Shahibi**  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar)



**Profesor Ts. Dr. Hajah Norazah Abd Rahman**

Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi)



**Profesor TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah**

Timbalan Naib Canselor  
(Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni)



**Profesor Ts. Sr. Dr. Md Yusof Hamid**

PMP, AMP

Timbalan Naib Canselor  
(Pembangunan)



**Tuan Haji**

**Muhamad Nizam Noordin**  
MMIHRM  
Pendaftar



**Cik**

**Junita Jamaludin**  
C.A.(M), ACMA, CGMA  
Bendahari



**Profesor Madya Dr.**

**Hartini Saripan**  
Penasihat Undang-undang




**Profesor Ir. Ts. Dr.**

**Juliana Johari**  
Menjalankan Tugas  
Ketua Pegawai Digital



**Ts. Haji**

**Azizi Haji Jantan**  
Ketua Pustakawan



# ATURCARA

Istiadat Pemasyhuran Canselor dan  
Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Seni Kreatif  
sempena Istiadat Konvokesyen UiTM ke-100

**13 November 2024 (Rabu)**

**ISTIADAT  
PEMASYHURAN  
CANSELOR**  
Universiti Teknologi MARA

MASA	PERKARA
<b>7.00 pagi</b>	Ketibaan graduan dan ibu bapa
<b>7:20 pagi</b>	Ketibaan jemputan khas
<b>7:25 pagi</b>	Ketibaan Naib Canselor
	Ketibaan Ahli Lembaga Pengarah Universiti
<b>7.30 pagi</b>	Ketibaan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
<b>7.35 pagi</b>	Ketibaan Pro-Canselor
<b>7.40 pagi</b>	Ketibaan Menteri Pendidikan Tinggi
<b>7.45 pagi</b>	Perarakan graduan
<b>7.50 pagi</b>	Perarakan alumni
<b>7.55 pagi</b>	Perarakan akademik
<b>8.10 pagi</b>	Perarakan besar
<b>8.15 pagi</b>	Keberangkatan tiba KDPB Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj
<b>8.20 pagi</b>	Keberangkatan tiba DYMM Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor, Pro-Canselor
<b>9.00 pagi</b>	Keberangkatan tiba KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Perbarisan Tabik Hormat Perarakan Utama Perarakan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim masuk ke dalam dewan

**ISTIADAT  
PEMASYHURAN  
CANSELOR**

Universiti Teknologi MARA

Lagu Negaraku

Bacaan doa

Bacaan Watikah Pemasyhuran Tuanku Canselor oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi

Penyerahan Watikah Pemasyhuran Canselor oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong

---

Sembah Aluan menjunjung kasih oleh Naib Canselor

Pengumuman Tujuan Istiadat Konvokesyen UiTM ke-100

Perisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen UiTM ke-100

Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Seni Kreatif

Penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah

Perisytiharan Alumni UiTM

Lagu UiTM di Hatiku


Titah KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor

---

Penangguhan Istiadat Konvokesyen

Perarakan KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor meninggalkan dewan

Majlis Santapan



MAKIUMAT  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

## **Falsafah**

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara

## **Visi**

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan

## **Misi**

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak

## **Objektif**

- Memperluas akses pendidikan tinggi
- Menyediakan pendidikan bertaraf dunia
- Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan pasaran, memacu pembangunan negara dan kemakmuran global
- Menghasilkan graduan seimbang berciri keusahawanan yang kompetitif di peringkat global
- Mempertingkatkan penghayatan nilai melalui program pengukuhan
- Melestarikan kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien
- Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu
- Memperkasa jaringan strategik dengan alumni dan industri
- Menyediakan ekosistem terkehadapan yang kondusif untuk kemajuan akademik
- Mengawal selia kewangan secara efektif ke arah kelestarian organisasi



### **Nilai**

#### **Kecemerlangan**

Mengamalkan kualiti piawai dalaman yang standard bagi memenuhi keperluan dan jangkaan pemegang taruh

#### **Sinergi**

Bekerjasama rapat untuk memaksimumkan produktiviti yang memberi manfaat kepada industri dan masyarakat


#### **Integriti**

Memupuk nilai kejujuran, hormat dan ketelusan untuk mencapai standard profesionalisme yang tinggi

### **Moto Universiti**

“USAHA, TAKWA, MULIA”

او سهبا تقوی مولیا



LOGO  
UNIVERSITI

# Pengertian Bentuk Logo



**Bentuk berlian empat segi lengkap** di kemuncak lima buku melambangkan kualiti hasilan dari penimbaan ilmu di Universiti Teknologi MARA.



**Bentuk berlian empat segi separuh digilap** melambangkan peranan Universiti Teknologi MARA untuk memajukan bumiputera supaya menjadi satu bangsa yang cemerlang berusaha, bertakwa dan mulia.



**Lima bentuk yang menyerupai buku** yang menjulang ke atas melambangkan kepelbagaian bidang ilmu dan kepelbagaian peringkat pengajian yang ditawarkan seperti Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. Lima bentuk ini juga melambangkan Rukun Islam yang menjadi teras pembangunan pelajar.



**Dua bilah keris bersilang** melambangkan kedaulatan raja Melayu dan perjuangan bangsa Melayu untuk menegakkan kecemerlangan dan kedaulatan bangsa.



**Buku yang diletakkan di atas rihal** menjadi asas kepada pembentukan logo Universiti Teknologi MARA. Penggunaan buku melambangkan sumber ilmu. Sebagai sebuah institusi pengajaran tinggi, teras segala ilmu termasuk dalam bidang sains dan teknologi yang disampaikan kepada pelajar adalah berdasarkan kepada ilmu al-Quran dan as-Sunnah. Penggunaan rihal melambangkan universiti sebagai dataran untuk menyampai dan memancarkan ilmu.



**Bentuk bulat** dalam bentuk keseluruhan logo melambangkan Universiti Teknologi MARA sebagai sebuah universiti bersifat global, unggul dan berdaya saing.

# Pengertian Warna Korporat

## Biru Tua

Membawa maksud kematangan sebuah institusi pengajian tinggi yang menawarkan pelbagai peringkat pengajian

## Kuning

Melambangkan kedaulatan raja Melayu dan perjuangan bangsa Melayu dalam mencemerlangkan kualiti pendidikan negara

## Ungu

Melambangkan kecemerlangan ilmu yang berbentuk global

## Putih

Membawa maksud kesucian dan kemurnian ilmu yang ditawarkan kepada pelajar



جامعة  
Teknologi  
MARA  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**Keseluruhan bentuk logo masih mengekalkan bentuk tradisi supaya identiti keilmuan dan gedung ilmu kekal berpanjangan.**

# Cokmar

Cokmar atau lambang kuasa UiTM bermotifkan sebilah keris yang dinamakan **Keris Agung** dan diiringi dengan **Tombak Agung**. Kedua-duanya melambangkan UiTM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi bumiputera yang terulung, kukuh dan murni.



## Keris Agung

Keris Agung yang bersarung melambangkan kekuatan dan keutuhan bangsa Melayu. Motif ukiran yang terdapat pada Keris Agung ini menepati makna dan tujuan penciptaannya. Motif ini menggambarkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Canselor UiTM sekali gus melambangkan UiTM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi bumiputera yang terulung.

Ciri-ciri keaslian dan ketulenan keris Melayu sebagaimana yang terdapat pada Keris Agung melambangkan falsafah penubuhan UiTM. Ia digarap dari idea penciptaan sebilah keris yang bernama Keris Potong Barat.

Motif ukiran pada hulu keris ialah motif bunga petola kuning, pendongkoknya bermotifkan pucuk rebung dan sarungnya bermotifkan bunga tanjung.

Motif bunga petola kuning pada hulu keris mewakili warna kuning diraja, menggambarkan Kesultanan Melayu. Motif pucuk rebung melambangkan proses pendidikan yang membentuk mahasiswa universiti ini menjadi graduan profesional. Motif bunga tanjung pada sarung keris pula melambangkan identiti negeri Selangor, bersesuaian dengan kedudukan kampus induk UiTM yang berpusat di negeri Selangor.

Kewibawaan makna identiti keris terserlah dengan logo UiTM yang diletakkan di atas ukiran perak pada pangkal sarung keris. Bahagian tengah sarungnya pula tertera tulisan khat thuluth yang mempamerkan moto UiTM iaitu “Usaha, Takwa, Mulia”.


### **Tombak Agung**

Tombak Agung yang terdiri daripada sepasang tombak; satu berlok lima dan satu lagi bermata daun buluh, merupakan lambang kepada nilai keagamaan, keilmuan, keperibadian serta kedaulatan bangsa dan negara. Motif keseluruhan batang tombak diambil dari reka bentuk kubah yang membawa maksud UiTM sebagai wadah pemberian dan penerimaan ilmu menurut hukum ilmu ke arah membina kebaikan dan menolak kemungkarar berlandaskan akidah, khususnya dalam kalangan mahasiswa, demi agama, bangsa dan negara.

Mata tombak berlok lima mencerminkan lima Rukun Islam. Manakala yang bermata daun buluh menggambarkan kekayaan seni reka Melayu yang asli. Penghias tombak ialah ukiran destar perak bermaksud raja-raja Melayu yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam dan simbol ketinggian tamadun bangsa Melayu.

Bahagian batang tombak juga dihiasi dengan ukiran perak bunga tanjung, manakala bahagian atasnya terdapat logo dan moto UiTM iaitu “Usaha, Takwa, Mulia” ditulis dengan khat thuluth. Logo dan moto ini menggambarkan keunggulan UiTM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang diwujudkan berlandaskan aspirasi untuk menghasilkan graduan-graduan bumiputera yang menguasai maklumat dan teknologi tinggi.





SEJARAH  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

### Dewan Latehan RIDA (1956-1965)

Sejarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) bermula dengan penubuhan Dewan Latehan RIDA (DLR). Penubuhan DLR adalah inspirasi daripada Dato' Onn Jaafar ekoran susulan lawatan yang dilakukan beliau dan Tun Abdul Razak Hussein ke Ceylon (sekarang Sri Lanka) pada tahun 1951. Tujuan utama lawatan yang dibuat adalah untuk mendalami program pembangunan dalam negeri. Selepas lawatan itu, satu kertas kerja (kertas no. 10 pada 1950) telah dikemukakan kepada Majlis Perundungan Persekutuan (*Federal Legislative Council*). Kertas kerja tersebut merupakan asas kepada penubuhan *Rural Industry and Development Authority* (RIDA), sebagai satu badan agensi kerajaan. Objektif RIDA adalah untuk membangunkan taraf sosial penduduk dan meningkatkan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

DLR telah menawarkan beberapa kursus asas terutamanya berhubung dengan perniagaan. Pada tahun-tahun kemudiannya, beberapa penambahan kursus telah dilakukan dan telah dinaik tarafkan. Pada tahun 1960, tiga kursus baharu telah diperkenalkan iaitu *Stenography*, *Secretaryship (ACS)* dan *Accountancy (Australian Society of Accountants)*. DLR mula memperkenalkan kursus berbentuk profesional iaitu Pengurusan Awam Perniagaan pada tahun 1962. Peperiksaan bagi kursus ini disediakan dan dikendalikan oleh *British Institute of Management* mulai tahun 1964.




# MAKTAB MARA

## Maktab MARA (1965)

Semasa berlangsungnya Kongres Ekonomi Bumiputera pada 5 hingga 7 Jun 1965 di Kuala Lumpur, 68 resolusi telah dikemukakan; 22 daripadanya adalah berkenaan dengan pengkajian semula peranan dan objektif RIDA, serta cadangan baharu untuk mengukuhkan keberkesanannya aktiviti yang dijalankan oleh pihak yang berkuasa. Langkah pertama yang diambil adalah menukar nama RIDA kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA). Menurut Tun Abdul Razak Hussein, penubuhan ini adalah untuk memberi nafas baru dan harapan kepada RIDA. Ekoran daripada itu, pada bulan Jun, Dewan Latehan RIDA telah ditukarkan kepada Maktab MARA.





### Institut Teknologi MARA (Oktober 1967)

Satu bincian ke atas sumber manusia yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan dibantu oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1965 menunjukkan terdapat kekurangan latihan di peringkat penyediaan sumber manusia profesional dan separa profesional khususnya dalam kalangan bumiputera.

Bagi mengatasi masalah ini, 300 ekar tanah di Shah Alam telah diperuntukkan dan diluluskan untuk pembinaan kampus baharu Maktab MARA. Pembinaan kampus ini adalah tujuan untuk melatih sumber manusia yang diperlukan dalam kalangan bumiputera. Pada hari Sabtu, bersamaan 14 Oktober 1967, batu asas telah diletakkan oleh Tun Abdul Razak Hussein di Shah Alam. Maktab MARA telah bertukar nama kepada Institut Teknologi MARA (ITM). Kerja-kerja pembinaan kampus Shah Alam telah dimulakan pada awal tahun 1968 dan mula digunakan pada tahun 1970.

Seiringan dengan pembangunannya yang pantas, pada hujung tahun 1970, ITM telah diberikan autonomi untuk mentadbir dan tidak lagi di bawah Bahagian Latihan MARA. Ia telah diletakkan sepenuhnya di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sejak daripada itu, ITM telah berkembang sebagai Institut Pengajian Tinggi dalam negara. Pada bulan Jun 1976, Akta ITM (Akta 173) telah diluluskan oleh Parlimen dan diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan.





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



### **Universiti Teknologi MARA (26 Ogos 1999)**

Pada 26 Ogos 1999, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan pertukaran nama ITM kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM). Aspirasi UiTM adalah untuk menjadi sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf dunia serta menjadi universiti terbaik. Justeru itu, UiTM telah mendapat pengiktirafan ISO 9001:2000 pada 5 Ogos 2004 dan menjadi universiti pertama di dunia yang mendapat pensijilan keseluruhan yang meliputi pengurusan korporat, perkhidmatan sokongan, pengajaran dan pembelajaran.

UiTM sentiasa menumpukan kepada kecemerlangan akademik, inovasi, sosial, pengiktirafan antarabangsa dan teknologi baharu yang menyumbang kepada pembangunan industri dan negara. Ini dibuktikan melalui pencapaian dan anugerah yang dimenangi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dalam bidang sains sosial, UiTM Chamber Choir dikenali di peringkat dunia apabila memenangi hadiah utama dalam pelbagai pertandingan di peringkat antarabangsa bermula 2015 hingga kini.




Turut membanggakan, Pasukan Mooting UiTMLaw turut dikenali di peringkat dunia apabila berjaya menewaskan pasukan dari universiti-universiti ternama Eropah dalam Philip C. Jessup International Law Moot Court Competition, satu pertandingan yang dihadiri oleh fakulti undang-undang terkenal seluruh dunia. Dalam bidang sains dan teknologi, UiTM mengorak langkah dalam penerokaan penyelidikan nanosatelit UiTMSAT-2. Nanosatelit yang bersaiz 1U ini adalah salah satu nanosatelit di dunia yang menyediakan imejan resolusi paras tinggi. Selain dari itu, penyelidikan mengenai jujukan genom pertama orang Melayu telah dijalankan melalui iPROMISE, UiTM, iaitu pusat penyelidikan terkemuka dalam Perubatan Genomik. Penyelidikan ini telah membawa kepada kolaborasi dengan beberapa badan kesihatan di Malaysia dan luar negara. Dalam bidang perakaunan, terdapat ramai pelajar UiTM yang mendapat skor tertinggi di dunia dalam peperiksaan anjuran Association of Chartered Certified Accountants (ACCA).

UiTM kini berada pada kedudukan ke-101 dalam senarai QS Asia University Rankings 2025 dan ke-587 bagi penarafan QS World University Rankings 2025. Ini menunjukkan usaha berterusan UiTM dalam meningkatkan kualiti akademik dan kebolehpasaran graduan.



Sejajar dengan falsafah penubuhan UiTM, universiti ini sentiasa memberi peluang kepada pelajar luar bandar untuk mengubah kehidupan keluarga dengan menawarkan tempat pengajian dalam program-program yang disediakan. Menjangkau usia 66 tahun ini, UiTM telah menjana pembangunan dan sumbangan yang berterusan, terutama dalam memenuhi tuntutan negara demi memperbaiki ketidakseimbangan landskap sosioekonomi masyarakat khususnya Melayu dan bumiputera. Hala tuju UiTM terkini adalah menjadi salah sebuah universiti yang dikenali dunia menjelang tahun 2025 (GRU2025). Aspirasi ini adalah untuk meningkatkan keterampilan UiTM di persada dunia dengan menjawab konsep kemakmuran bersama dengan berkongsi sumber dan tenaga. Semoga UiTM kekal relevan melalui imej dan penjenamaan global dengan lebih jitu.



# **BIOGRAFI**


**Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
Sultan Ibrahim**





KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim diputerakan pada 22 November 1958, di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan Baginda merupakan putera sulung kepada Almarhum Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail dan Almarhumah Enche' Besar Hajah Khalsom Binti Abdullah.





Seri Paduka Baginda mula mendapat pendidikan asas di Taman Didikan Kanak-Kanak Tunku Ampuan Mariam, Johor Bahru sebelum memulakan persekolahan di Sekolah Temenggong Abdul Rahman (1) Johor Bahru. Seri Paduka Baginda kemudian melanjutkan pelajaran di Trinity Grammar School, Sydney, Australia pada tahun 1968 hingga 1970, sebelum meneruskan pelajaran menengah di English College (Maktab Sultan Abu Bakar) dari tahun 1971 hingga 1975. Baginda turut mendapat pendidikan agama di Sekolah Agama Ayer Molek, Johor Bahru.






KDYMM Seri Paduka Baginda Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong ke-17, dikenali sebagai seorang raja yang berjiwa rakyat dan lantang dalam menyuarakan pandangan mengenai isu-isu kebijakan, kebersihan, dan perpaduan. Baginda merupakan seorang pemimpin yang sentiasa mendekati rakyatnya melalui pelbagai inisiatif dan program, menjadikan Baginda antara pemimpin diraja yang sangat dihormati di Malaysia. Dikenali dengan sifat mesranya terhadap rakyat, terutamanya melalui program "Kembara Mahkota Johor" yang menyaksikan Baginda mengembara ke seluruh negeri Johor menggunakan pelbagai kenderaan termasuk motorsikal, dalam usaha mendekati dan bertemu dengan rakyat dari semua lapisan masyarakat. Program yang dilaksanakan mengukuhkan lagi hubungan Baginda dengan rakyat negeri Johor. Minat Baginda terhadap aktiviti lasak seperti permotoran dan berlayar juga menyerlahkan sifat Baginda yang aktif dan suka akan cabaran. Penglibatan Baginda dalam aktiviti-aktiviti berikut bukan sahaja dilihat sebagai hobi, tetapi juga dijadikan sebagai salah satu usaha untuk terus terlibat dengan rakyat dalam pelbagai aspek kehidupan. Malah, Sultan Ibrahim juga mempunyai bakat dalam bidang memasak yang menjadikan Baginda unik sebagai seorang pemimpin diraja yang serba boleh.





Kepemimpinan Seri Paduka Baginda terserlah selepas melibatkan diri di dalam aktiviti ketenteraan yang turut dijadikan asas bagi membina semangat juang, disiplin serta perwatakan yang berwibawa. Sultan Ibrahim menjalani latihan asas ketenteraan selama enam bulan di Pusat Latihan Darat (PULADA), sebelum meneruskan latihan "Airborn and Infantry Officers Basic Course" di US Army Infantry School, Fort Benning dan John F. Kennedy Special Warfare Center and School di Fort Bragg, Amerika Syarikat bagi kursus "Special Forces Officers Course". Semasa menjalani kedua-dua kursus ini, Sultan Ibrahim telah melakukan 11 penerjunan payung terjun dari pesawat pada waktu siang, dan lapan terjunan pada waktu malam, yang melayakkan Seri Paduka Baginda dianugerahkan "sayap" sebagai seorang komando. Lebih membanggakan apabila Seri Paduka Baginda turut ditauliahkan sebagai anggota pasukan US SEAL (tentara darat, laut dan udara).



Seri Paduka Baginda dimasyhurkan sebagai Tunku Mahkota Johor pada 3 Julai 1981. Pada 22 September 1982, Baginda diijab kabulkan bersama KDYMM SPB Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah dan mendirikan rumah tangga di Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru pada tahun 1983 selepas Tuanku Raja Zarith Sofiah menamatkan pelajaran ijazah di United Kingdom. Pasangan Diraja ini dikurniakan lima orang putera dan seorang puteri. Semangat dan nilai-nilai kebertanggungjawaban serta dedikasi kepada tugas telah diterapkan dalam diri Sultan Ibrahim sejak usia muda oleh ayahanda Baginda, Almarhum Sultan Iskandar. Malah, nenda Baginda, Almarhum Sultan Ismail turut banyak menurunkan bimbingan dan ilmu bagi membentuk cucundanya menjadi seorang Raja yang berwibawa. Pada 25 April 1984 hingga 25 April 1989, Sultan Ibrahim sebagai Tunku Mahkota Johor ketika itu, telah dilantik sebagai Pemangku Sultan semasa Almarhum Sultan Iskandar menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-8. Baginda dimasyhurkan sebagai Sultan Johor pada 23 Januari 2010 selepas kemangkatan Almarhum Sultan Iskandar, dan dimahkotakan pada 23 Mac 2015.









Sultan Ibrahim dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong Ke-17 dan telah melafaz serta menandatangani surat sumpah jawatan pada 31 Januari 2024 di Istana Negara. Berikutan itu, Istiadat Pertabalan Baginda telah berlangsung pada 20 Julai 2024 dalam satu upacara bersejarah yang penuh adat tradisi diraja dan disaksikan Raja-Raja Melayu, para pembesar negara serta pemimpin luar negara. Bagi istiadat itu, Baginda mengenakan persalinan rasmi Yang di-Pertuan Agong, iaitu pakaian "Muskat" yang dilengkapi dengan Tengkolok Diraja, Samping Diraja, Pending Diraja serta Keris Pendek Diraja. Istiadat Pertabalan bermula dengan persembahan senashah Al-Quran kepada Sultan Ibrahim, yang dicium oleh Baginda sebagai tanda penghormatan kepada kemuliaan dan kesucian Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. Baginda kemudian dipersembahkan dengan Keris Panjang Diraja atau Keris Kerajaan yang merupakan simbol punca kuasa dan pemerintahan kuasa yang diamanahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.







Sultan Ibrahim juga menonjol sebagai seorang pemimpin di peringkat antarabangsa dan memainkan peranan yang penting dalam memperkuatkukuhkan hubungan antarabangsa negara. Sebagai ketua negara, Baginda bukan sahaja bertanggungjawab terhadap urusan dalam negeri, tetapi juga terlibat dalam pelbagai aktiviti di peringkat global yang mencerminkan kedudukan Malaysia di pentas dunia. Baginda juga terlibat dalam usaha diplomasi yang bertujuan untuk memperkuatkukuhkan hubungan antara Malaysia dan negara-negara lain. Melalui lawatan rasmi ke beberapa negara, Baginda berkesempatan untuk berbincang mengenai kerjasama strategik. Lawatan ini bukan sahaja meningkatkan hubungan bilateral, tetapi juga membuka peluang perdagangan dan pelaburan yang luas.







## KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

# *Watikah PEMASYHURAN*

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
SULTAN IBRAHIM

Bismillahir Rahmannir Rahim  
Dengan Nama Allah  
Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Dimaklumkan Bahawa Subseksyen 19A (2)  
Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)  
Memperuntukkan Bahawa  
"Canselor ialah Yang di-Pertuan Agong".

Berdasarkan Kepada Peruntukan Subseksyen 19A (1), Akta Berkenaan,  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
hendaklah mempengerusikan Konvokesyen Universiti.

Patik merafak sembah  
memohon limpah perkenan  
Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
Sultan Ibrahim  
sebagai Tuanku Canselor Universiti Teknologi MARA.  
Patik memohon perkenan Tuanku atas pemasyhuran ini.

Ampun Tuanku,

Patik berdoa, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Tuanku dan  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong  
sentiasa berada dalam kandungan sihat walafiat,  
dimurahkan rezeki dan sentiasa berada dalam peliharaan Allah S.W.T.

Ampun Tuanku Beribu Ampun,  
Sembah Patik Mohon Diampun,

DR. ZAMBRY ABD KADIR  
Menteri Pendidikan Tinggi

Termaktub : Di Kementerian Pendidikan Tinggi  
Pada : 13 November 2024  
Bersamaan : 11 Jamadilawal 1446H

# MENJUNJUNG KASIH

Sempena Keberangkatan  
**Kebawah Duli Yang Maha Mulia**  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**  
**Sultan Ibrahim**  
Bercemar Duli  
ke Universiti Teknologi MARA

# NAIB CANSEIOR

mengucapkan  
setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih  
kepada

**Ahli Jawatankuasa serta seluruh warga  
Universiti Teknologi MARA**  
yang telah terlibat dalam menjayakan  
Istiadat Pemasyhuran ini



# ISTIADAT PEMASYHURAN CANSEJOR

Universiti Teknologi MARA

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
Sultan Ibrahim**

13 November 2024

bersamaan

1446 جمادی الاول 11



# SIDANG PENGARANG

Buku Cenderamata  
**Istiadat Pemasyhuran Canselor UiTM**

Penaung  
**Profesor Datuk Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc**  
Naib Canselor

Penasihat  
**Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin, MMiHRM**  
Pendaftar

Pengerusi  
**Profesor Dr. Ismie Roha Mohamed Jais**  
Penolong Naib Canselor (Komunikasi Strategik)

Penyunting  
**Ts. Dr. Hayati Abd Rahman**  
Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik

**Puan Zuraidah Jantan**  
Ketua Informasi dan Penerbitan (Bahasa Melayu)

Royal Press Office  
**Encik S. Anand Kumar**  
**Encik Muhd Nazri Azmi**

Dokumen Rasmi Pemasyhuran  
**Cik Adlin Na'qiah Sabar@Sabal**  
**Puan Rozani Mohd Noh**

Penyelaras Visual  
**Puan Haryati Kamaruddin**  
Ketua Unit Pengurusan Jenama

Grafik  
**Encik Mohd Nor Firdaus Mohd Isa**

Fotografi  
**Encik Roslan Daud**  
**Encik Shamsul Hidayat Omar**  
**Puan Shahida Nordin**  
**Puan Shazana Shabuddin**

Urus setia  
**Puan Ezurya Rathi**  
**Encik Norhilman Nordin**  
**Puan Izmawati Sodding**  
**Puan Adilla Hayati Mohd Satali**  
**Puan Siti Haslinda Abdul Halim**

Setinggi-tinggi penghargaan  
dan terima kasih diucapkan kepada  
Istana Negara atas sumbangan maklumat  
dan gambar diraja.

## ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOK

Universiti Teknologi MARA  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
Sultan Ibrahim

13 November 2024  
bersamaan  
1446 جمادی الاول 11





—ISTIADAT  
PEMASYHURAN  
CANSEIOR

Universiti Teknologi MARA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
Sultan Ibrahim

13 November 2024

bersamaan

1446 جمادی الاول 11



AUTOGRAF



Konsep & Reka Bentuk :

Pejabat Komunikasi Strategik,  
Universiti Teknologi MARA

*Globally  
Renowned*  
*Locally Rooted*

UiTM *di hatiku*

أونهايرو موليا